



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 2 APRIL 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **122 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **767 kes** (24.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 2 April 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **208 kes baharu** yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **3,116 kes**.

Sehingga kini, seramai **105 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)**. Daripada jumlah tersebut, 54 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa sehingga kini terdapat pertambahan **lima (5)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **50 kes** (1.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-46 (kes ke-2909) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 37 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kronik dan rendah imuniti. Beliau telah dirawat di Hospital Sultanah Aminah, Johor pada 28 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 31 Mac 2020 jam 11.10 malam.
- Kes kematian ke-47 (kes ke-2910) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 78 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi dan gout. Beliau telah dirawat di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor pada 17 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 29 Mac 2020 jam 7.10 malam.
- Kes kematian ke-48 (kes ke-2572) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 85 tahun dan mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan penyakit jantung. Beliau telah dirawat di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Johor pada 29 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 2 April 2020 jam 8.01 pagi.
- Kes kematian ke-49 (kes ke-1273) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 61 tahun. Beliau mempunyai sejarah kontak rapat dengan kes positif COVID-19 (kes ke-2107). Beliau telah dirawat di Hospital Umum Sarawak pada 20 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 1 April 2020 jam 8.36 malam.
- Kes kematian ke-50 (kes ke-1767) merupakan lelaki warganegara Malaysia berumur 69 tahun. Beliau telah dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan pada 22 Mac 2020 dan disahkan meninggal dunia pada 2 April 2020 jam 2.20 petang.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

PENGENALAN SISTEM ONLINE APPOINTMENT DI KLINIK KESIHATAN

Sistem *Online Appointment* di Klinik Kesihatan merupakan kolaborasi di antara Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan empat (4) syarikat iaitu *Queuedmed*, *EncoreMed*, *Bookdoc* dan *DoctorOnCall*. Ini adalah sebagai inisiatif untuk mengurangkan kesesakan di klinik-klinik kesihatan khususnya semasa pandemik jangkitan COVID-19 bagi mengelakkan orang ramai berkumpul di klinik pada sesuatu masa perlu diamalkan, selaras dengan penjarakan sosial (*social distancing*).

Melalui sistem *Online Appointment* ini, pelanggan boleh memilih slot waktu temujanji untuk datang ke klinik bagi mendapatkan perkhidmatan. Sistem ini adalah untuk kes-kes *walk-in* penyakit ringan sahaja.

Sistem ini bakal dilaksanakan secara berfasa bermula dengan 4 buah klinik kesihatan iaitu KK Presint 9, 11, 14 dan 18 di Wilayah Persekutuan Putrajaya bersama *DoctorOnCall*. Selanjutnya perkhidmatan ini akan diperluaskan ke klinik kesihatan yang terpilih di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor dengan kolaborasi *Queuedmed*, *EncoreMed*, *Bookdoc* dan *DoctorOnCall*.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Pihak KKM prihatin dengan keadaan semasa berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mungkin boleh mengakibatkan orang ramai mengalami pelbagai emosi seperti kerisauan, panik, sedih dan murung.

KKM ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru masyarakat menjaga kesihatan minda dengan mengambil beberapa langkah berikut:

- Elakkan bersendirian dan kongsi perasaan anda dengan seseorang yang dipercayai
- Saling memberi kata-kata positif kepada diri sendiri, ahli keluarga dan rakan
- Saling berhubung dan berinteraksi dengan orang tersayang dan rakan rapat, menggunakan pelbagai medium komunikasi
- Beribadat mengikut kepercayaan masing-masing
- Amalkan teknik relaksasi
- Lakukan aktiviti fizikal di rumah
- Makan secara sihat

Justeru, orang ramai boleh mendapatkan perkhidmatan sokongan psikososial dengan menghubungi talian berikut:

011-63996482 / 011-63994236 / 03-29359935

Waktu operasi adalah dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang setiap hari.

Orang awam juga boleh menghubungi talian CPRC Kebangsaan, KKM. Maklumat lanjut mengenai kejadian COVID-19 di Malaysia boleh juga didapati melalui saluran telegram CPRC Kementerian Kesihatan Malaysia; <https://t.me/cprckkm>.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan ini melalui segala maklumat yang diperolehi dan akan dimaklumkan kepada rakyat dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

2 April 2020 @ 5.00 petang

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 2 APRIL 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	12
KEDAH	1	80
PULAU PINANG	2	98
PERAK	6	200
SELANGOR	74	800
NEGERI SEMBILAN	18	207
MELAKA	7	70
JOHOR	27	395
PAHANG	3	114
TERENGGANU	2	50
KELANTAN	3	137
SABAH	1	210
SARAWAK	23	211
W.P. KUALA LUMPUR	34	488
W.P. PUTRAJAYA	7	34
W.P. LABUAN	0	10
JUMLAH KESELURUHAN	208	3,116